



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI  
Tingkat 1-5, Wisma Perindustrian,  
Jalan Istiadat, Likas,  
88400 Kota Kinabalu.  
Tel.: 088-260161



Bil. JPAN:1000-9/132 KLT.12 ( 32 )

17 AUG 2018

Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PENGGUNAAN SURAT PENGESAHAN DIRI DAN  
PENGAKUAN PEGAWAI/ GUARANTEE LETTER SECARA ONLINE (eGL) DI  
HOSPITAL DAN KLINIK KERAJAAN MELALUI SISTEM HRMIS**

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Kerajaan Negeri Sabah bersetuju untuk menggunakan eGL iaitu salah satu kemudahan di dalam sistem HRMIS yang boleh diakses oleh petugas kaunter di hospital-hospital kerajaan dan klinik-klinik kesihatan. eGL ini bertujuan untuk menjana pengesahan diri dan pengakuan pegawai/*guarantee letter* (GL) untuk kegunaan pegawai awam negeri termasuk tanggungan ahli keluarga bagi mendapatkan perkhidmatan perubatan tanpa perlu membawa surat pengesahan diri dan pengakuan pegawai/*GL* secara manual.

3. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab agensi negeri untuk memastikan maklumat semua pegawai awam negeri dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2) khususnya perihal butir-butir peribadi pegawai dan keluarga sentiasa kemaskini agar maklumat yang tepat dapat disalurkan ke sistem HRMIS. Kebolehcapaian eGL adalah bergantung kepada ketersediaan maklumat yang terdapat dalam SM2.

.../2-



**“MEMBASMI DADAH, KEWAJIPAN KITA”**

**JPAN 1000-9/132 KLT.12 ( 31 )**

---

4. Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan menyalurkan maklumat yang diperlukan dalam sistem HRMIS secara berkala iaitu tiga (3) bulan sekali bermula dari tarikh surat edaran ini. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada:

Puan Elizabeth Tai  
Jabatan Perkhidmatan Komputer  
Negeri, Blok A,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 KOTA KINABALU

Tel: 088-368808


Encik Mohd. Asril Bin Sharil  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Negeri, Tingkat 1-5,  
Wisma Perindustrian,  
Jalan Istiadat, Likas,  
88400 KOTA KINABALU

Tel: 088-260161 ext. 233/245

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"**

Saya yang menurut perintah,



**[ DATUK HAJI NORDIN SIMAN ]**

b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri